



# Berita KUKUM

## G. MPP BARU ANGKAT SUMPAH

**Jabatan Hal Ehwal Pelajar, KUKUM** telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sidang Akademik 2004/2005 pada 4 Oktober lalu di Hotel Holiday Villa, Alor Setar, Kedah Darul Aman. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin selaku Rektor KUKUM. Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di KUKUM yang telah berlangsung pada 15 September 2004 yang lalu telah berjalan dengan lancar.

Kesemua namanama yang dicalonkan untuk merebut 18 buah kerusi mengikut pecahan konstituensi telah menang tanpa bertanding. Semasa ucapan perasmian, Prof. Dato' telah mengingat kepada Majlis Perwakilan Pelajar yang baru betapa dominan dan impak yang dapat dimainkan oleh sesebuah pergerakan badan pelajar. Beliau telah memberi beberapa contoh pergerakan pelajar di China, Indonesia serta mengimbas kembali kepada pergerakan pelajar di Malaysia yang telah mencetuskan pelbagai kontroversi sehingga mampu menjatuhkan kerajaan yang memerintah pada ketika itu. Dalam pada itu katanya, senario perjuangan pergerakan yang dipelopori oleh golongan pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi hari ini telah jauh berubah.

Pergerakan Pelajar hari ini dilihat sebagai pemangkin dan pelaksana dasar serta memainkan peranan yang penting sebagai jambatan yang menghubungkan pihak pentadbiran dengan mahasiswa dan mahasiswi. Majlis Perwakilan Pelajar yang baru juga turut diseru memainkan peranan yang lebih proaktif dan tidak lesu. Ini adalah penting kerana pihak pentadbiran universiti amat memerlukan sebarang cadangan atau



input-input baru dari MPP yang dilihat sebagai suara yang mewakili kesemua warga pelajar KUKUM. Beliau menambah, para pelajar tidak perlu khuatir jika ingin mengusulkan apa jua bentuk cadangan kerana pihak universiti sentiasa mengamalkan sistem pentadbiran yang telus bagi kebaikan bersama.

Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2004/2005 itu turut menyaksikan Upacara Menandatangani Surat Akujanji dan Majlis Penyerahan Fail Tugas Majlis Perwakilan Pelajar 2004/2005 dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Majlis Perwakilan Pelajar Sidang Akademik 2003/2004.